

AmG Insurance Berhad (803512-W)

Penanggung insurans berlesen. Ahli Kumpulan AmBank.

Ibu Pejabat: 13A Floor, Bangunan AmAssurance, No.1, Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur.

Alamat Pos: GPO Box 10956, 50730 Kuala Lumpur, Malaysia.

Talian Umum: +603 4047 8000 Talian Faks Umum: +603 4043 8680

Laman Web: <https://www.amassurance.com.my>**AmAssurance**

Utamakan Khidmat. Janji Kami.

Pusat Perkhidmatan PelangganHubungi **1 300 80 3030**
pada kadar tempatan

+603 2171 3030



amassurance-general@ambankgroup.com

Taip **AmG<jarak>mesej**
Hantar ke 33911 (AmAlert)**POLISI KEMALANGAN PEMANDUAN CERMAT PERSENDIRIAN****DUTI SETEM
DIBAYAR**

BAHAWASANYA Pihak yang diinsuranskan di dalam Jadual di sini (selepas ini disebut sebagai "Pihak Diinsuranskan" atau "Pemegang Polisi") melalui suatu cadangan dan perisytiharan (bertarikh seperti dinyatakan dalam Jadual tersebut) yang menjadi asas kontrak ini dan digunakan selepas memohon kepada AmG Insurance Berhad (selepas ini digelar sebagai "Pihak Syarikat") untuk insurans yang terkandung di dalam polisi ini dan telah membayar atau bersetuju untuk membayar premium yang dinyatakan dalam jadual tersebut menurut undang-undang Malaysia sebagai balasan untuk Insurans sedemikian diberikan berkaitan dengan kecederaan yang sedemikian yang hanya digunakan semasa pemandu dan/atau penumpang, dengan kebenaran Pihak Diinsuranskan memandu atau menumpang sebagai penumpang yang naik atau turun daripada kenderaan yang dinamakan dalam Polisi kecuali Pemegang Polisi yang telah diberikan dua puluh empat (24) jam perlindungan kemalangan persendirian di seluruh dunia.

FAEDAH

Insurans yang diberi hanya berkaitan dengan kecederaan yang secara langsung dan hanya akibat daripada kemalangan, mengakibatkan perbelanjaan perubatan, kematian atau permotongan seperti yang tercatat di bawah polisi ini, di dalam had yang dinyatakan, tetapi hanya terhadap faedah seperti yang dinyatakan secara khusus di bawah polisi ini.

BAHAGIAN I FAEDAH PERUBATAN

Apabila berlakunya sesuatu kemalangan, Pihak Diinsuranskan memerlukan rawatan pakar perubatan atau doktor bedah yang sah dan berkelayakan di sisi undang-undang, dimasukkan ke dalam hospital untuk menerima rawatan atau menggaji jururawat berlesen atau berijazah, pihak Syarikat akan membayar perbelanjaan sebenar yang kena dibayar dalam masa lima puluh dua (52) minggu daripada tarikh kemalangan untuk rawatan yang sedemikian, bayaran hospital dan bayaran jururawat, tetapi tidak melebihi agregat jumlah yang boleh dibayar iaitu RM1,000.00 untuk pemegang polisi dan RM500.00 setiap seorang untuk penumpang yang lain dan/atau pemandu yang dibenarkan akibat daripada sebarang kemalangan.

BAHAGIAN II TANGGUNGAN RUGI KEHILANGAN NYAWA

Apabila kemalangan yang mengakibatkan kehilangan nyawa pihak Syarikat hendaklah membayar di dalam jangka masa seratus lapan puluh (180) hari kepada pewaris Pemegang Polisi sebanyak RM20,000.00 dan pewaris penumpang yang lain dan/atau pemandu yang dibenarkan sebanyak RM10,000.00 setiap orang.

BAHAGIAN III TANGGUNGAN RUGI PEMOTONGAN DAN KEHILANGAN UPAYA PENGLIHATAN

Apabila kemalangan yang tidak mengakibatkan kehilangan nyawa Pemegang Polisi dan/atau penumpang/pemandu yang dibenarkan bagi kenderaan yang didaftarkan di dalam jangka masa seratus lapan puluh (180) hari tersebut, pihak Syarikat akan membayar untuk kehilangan seperti berikut:-

	Pemegang Polisi	Penumpang/Pemandu Yang dibenarkan
Kedua-dua belah tangan dan/atau kedua-dua belah kaki	RM20,000.00	RM10,000.00
Penglihatan kedua-dua belah mata	RM20,000.00	RM10,000.00
Pendengaran kedua-dua belah telinga	RM20,000.00	RM10,000.00
Salah satu tangan atau kaki dan penglihatan sebelah mata	RM20,000.00	RM10,000.00
Salah satu tangan atau kaki	RM10,000.00	RM 5,000.00
Penglihatan pada sebelah mata atau pendengaran sebelah telinga	RM10,000.00	RM 5,000.00

“Kehilangan” seperti yang digunakan di atas merujuk kepada tangan atau kaki yang bermaksud pemotongan penuh di antara atau di atas sendi pergelangan tangan atau buku lali, dan seperti yang dirujuk kepada mata, bermaksud keseluruhan mata dan yang tidak dapat dipulihkan penglihatan, dan seperti yang digunakan dengan dirujuk kepada telinga, bermaksud keseluruhan pendengaran yang tidak dapat dipulihkan.

Kejadian sebarang kehilangan tertentu yang membawa faedah yang boleh dibayar di bawah Bahagian ini akan menamatkan semua insurans di bawah Polisi ini dengan serta-merta, tetapi penamatan sedemikian hendaklah dilakukan tanpa prejudis kepada sebarang tuntutan yang berpunca daripada kemalangan yang menyebabkan kehilangan yang sedemikian, Tiada tanggungan rugi akan dibayar di bawah sebarang keadaan untuk lebih daripada satu kehilangan yang terbesar, yang terhadapnya peruntukan dibuat di bawah Bahagian ini.

BAHAGIAN IV PERUNTUKAN KHAS

Sekiranya bilangan sebenar penumpang melebihi bilangan yang tercatat dalam Jadual Polisi, Had Tanggungan pihak Syarikat bagi setiap orang di bawah Bahagian I, II dan III akan dikurangkan mengikut nisbah bilangan sebenar penumpang berbanding dengan bilangan penumpang yang diisytiharkan.

Perihal had ini dikecualikan kepada Pemegang Polisi.

BAHAGIAN V PENGECUALIAN

- a) Kepada sebarang kerugian yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya
- 1) oleh jangkitan bakteria (kecuali jangkitan pyogenik yang mana mungkin berlaku melalui luka atau kecederaan kemalangan) atau melalui sebarang jenis penyakit;
 - 2) oleh rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali yang mungkin diperlukan akibat daripada kecederaan yang dilindungi oleh Polisi ini dan yang dilakukan dalam masa yang diperuntukkan dalam Polisi ini);
 - 3) oleh kehamilan, kelahiran anak, keguguran, pengguguran anak atau kerosakan fizikal yang sedia ada atau keuzuran;
 - 4) ketika pemandu berada di bawah pengaruh (sementara atau sebaliknya) alkohol atau dadah;
 - 5) ketika kenderaan digunakan untuk kegiatan perniagaan yang haram atau sebagai pengangkutun awam yang tidak berlesen.
- b) Kepada sebarang kecederaan badan yang mengakibatkan hernia.
- c) Kepada sebarang tindakan membunuh diri atau cubaan melakukannya (waras atau tidak waras).
- d) Kepada kerugian yang disebabkan oleh peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, keganasan atau operasi permusuhan (sama ada diisytiharkan atau tidak), penderhakaan, rusuhan, mogok, kekacauan awan, perang saudara, pemberontakan, kebangkitan penentangan, konspirasi, rampasan kuasa atau kekerasan ketenteraan, undang-undang tentera atau keadaan terkepung atau sebarang peristiwa yang menentukan pengisytiharan atau penyenggaraan undang-undang tentera atau keadaan terkepung, perampasan, kuarantin atau peraturan adat atau pemilikan negara melalui atau di bawah perintah mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa tempatan, atau sebarang senjata atau instrumen yang menggunakan pembelahan keatoman atau kuasa radioaktif, sama ada dalam keadaan aman atau peperangan. Pengecualian ini tidak akan terjejas oleh sebarang pengendorsan yang tidak merujuk kepadanya secara tertentu, keseluruhan atau sebahagiannya. Pihak Diinsuranskan hendaklah, sekiranya diminta berbuat demikian dan sebagai satu syarat sebelum pihak Syarikat bertanggung, membuktikan bahawa kerugian tidak dalam sebarang cara berbangkit di bawah atau melalui mana-mana pengecualian, keadaan atau sebab-sebab di atas.
- e) Kepada kerugian yang berkaku ketika kenderaan digunakan untuk sewaan, perlumbaan, rali jalan, ujian rentak pergerakan, ujian kelajuan atau digunakan untuk sebarang tujuan yang berkaitan dengan perdagangan permotoran.
- f) Kepada pemandu sekiranya pemandu yang sedemikian tidak mempunyai lesen memandu yang sah untuk memandu kenderaan atau layak untuk mempunyai atau mendapatkan lesen memandu yang sah di bawah peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia atau Singapura.

BAHAGIAN IV SYARAT-SYARAT

1. Polisi ini termasuk pengendorsan dan kertas-kertas yang dikepilkan, jika ada, dan mengandungi keseluruhan kontrak insurans. Tiada pernyataan yang dibuat oleh pemohon insurans yang tidak dimasukkan di dalam ini yang akan menghindarkan polisi atau digunakan dalam sebarang prosiding peundangan di bawah ini. Tiada ejen yang mempunyai kuasa untuk mengubah polisi ini atau untuk mengeneipkan mana-mana peruntukannya. Tiada perubahan dalam polisi ini akan menjadi sah melainkan diluluskan oleh pegawai yang berkuasa bagi pihak Syarikat dan kelulusan yang sedemikian diendorskan di sini.
2. Sekiranya berlaku kegagalan di dalam pembayaran premium yang telah dipersetujui untuk polisi ini, penerimaan premium yang seterusnya oleh pihak Syarikat atau oleh mana-mana ejennya yang diberikan kuasa sepatutnya menghidupkan semula polisi tetapi hanya untuk melindungi kerugian yang terjadi daripada kecederaan kemalangan dideritai selepas itu.
3. Notis bertulis berkenaan kecederaan yang boleh menjadi asas tuntutan mestilah diberikan kepada pihak Syarikat dalam jangka masa tiga puluh (30) hari selepas tarikh kemalangan maut, notis serta-merta berkenaan dengannya mestilah diberikan kepada pihak Syarikat.
4. Notis sedemikian oleh atau bagi pihak Orang yang Diinsuranskan atau waris, mengikut keadaan kes, yang diberikan kepada pihak Syarikat atau kepada mana-mana ejen pihak Syarikat yang diberi kuasa, dengan butiran yang mencukupi untuk mengenalpasti Orang yang diinsuranskan hendaklah dianggap sebagai notis kepada pihak Syarikat. Kegagalan memberi notis dalam tempoh yang ditetapkan dalam polisi ini tidak akan membatalkan sebarang tuntutan sekiranya dapat ditunjukkan bahawa tidak munasabah notis yang sedemikian dapat diberi dan bahawa notis tersebut telah diberikan secepat mungkin dalam tempoh yang munasabah.
5. Apabila menerima notis yang sedemikian pihak Syarikat akan membekalkan borang- borang kepada pihak yang menuntut, seperti yang selalunya dibekalkan oleh pihak Syarikat untuk memfail bukti kerugian. Sekiranya borang-borang yang sedemikian tidak dibekalkan oleh pihak syarikat untuk memfail bukti kerugian. Sekiranya borang-borang yang sedemikian tidak dibekalkan dalam jangka masa lima belas (15) hari selepas penerimaan notis tersebut, pihak yang menuntut hendaklah dianggap sebagai telah mematuhi segala keperluan polisi ini berhubung dengan bukti kerugian terhadap tuntutan yang dibuat.
6. Bukti kerugian yang afirmatif hendaklah dibekalkan kepada syarikat di pejabat yang dinyatakan dalam jangka masa seratus lapan puluh (180) hari selepas tarikh kerugian yang sedemikian.
7. Pihak syarikat mempunyai hak dan peluang untuk memeriksa Orang yang Diinsuranskan sekerap yang diperlukannya secara munasabah sepanjang penangguhan tuntutan di bawah ini, dan juga hak dan peluang untuk melakukan autopsi dalam kes kematian yang mana tidak dilarang oleh undang-undang.
8. Semua faedah yang disediakan di bawah polisi ini akan dibayar serta merta selepas penerimaan bukti.
9. Semua tuntutan di bawah ini hendaklah dikemukakan melalui pihak Diinsuranskan.
10. Jika Pihak disinsuranskan pada bila-bila masa membatalkan pendaftaran kenderaan atau memindahkan kereta yang disebutkan di dalam polisi, pihak syarikat atas permintaan bertulis Pihak Diinsuranskan premium yang tidak terperoleh. Walau bagaimanapun premium terperoleh hendaklah dikira mengikut kadar jangka pendek pihak Syarikat pada masa pembatalan.
11. Pihak Syarikat boleh melalui notis bertulis kepada Pihak Diinsuranskan yang dihantar melalui surat berdaftar kepada alamat terakhirnya yang diketahui memberi empat belas (14) hari notis mengenai niat mereka untuk menamatkan Polisi ini mengembalikan atas permintaan bahagian premium yang berpadanan dengan Tempoh Insurans yang tidak luput. Melalui notis yang serupa kepada pihak Syarikat, Pihak Diinsuranskan boleh pada bila-bila masa membatalkan polisi ini, dan dalam keadaan ini pihak Syarikat akan mengekalkan kelaziman premium tempoh pendek daripada masa Polisi telah berkuatkuasa.
12. Di mana sahaja dalam Polisi ini perkataan "pihak Syarikat" yang digunakan, ia hendaklah bermaksud Syarikat yang mengeluarkannya, dan di mana saja perkataan "Pihak diinsuranskan" atau "Pemegang Polisi" digunakan, ia hendaklah bermaksud pencadang yang dinamakan dalam borang cadangan. Di mana saja perkataan "Kecederaan" digunakan, ia hendaklah bermaksud kecederaan badan yang terjadi seperti yang dinyatakan dalam klausa insurans.
13. Tiada serah hak kepentingan di bawah polisi ini akan mengikut syarikat melainkan dan sehingga dokumen asal atau salainannya difailkan di Ibu Pejabat Syarikat. Pihak Syarikat tidak boleh memegang sebarang tanggungjawab untuk kesahihan sesuatu penyerahkannya. Tiada pertukaran waris di bawah Polisi ini akan mendapat pihak Syarikat melainkan persetujuan untuknya telah diendorskan secara rasmi oleh seorang Pegawai pihak Syarikat yang telah diberi kuasa. Tiada peruntukan secara rasmi, piagam, perlembagaan atau undang-undang kecil pihak Syarikat ini akan digunapakai dalam pembelaan sebarang tuntutan yang berbangkit di bawah Polisi ini, melainkan peruntukan sedemikian digunapakai sepenuhnya dalam Polisi ini.
14. Kegagalan memenuhi mana-mana syarat yang terkandung dalam polisi ini akan membatalkan semua tuntutan di bawah ini.
15. Polisi ini boleh diperbaharui dengan kebenaran daripada pihak Syarikat atas asas tahunan, melalui pembayaran premium terlebih dahulu menurut kadar Premium pihak Syarikat yang berkuatkuasa pada masa pembaharuan.

NOTIS PENTING

FASAL TUNAI SEBELUM PERLINDUNGAN

Adalah menjadi syarat asas dan khas mutlak kontrak insurans ini bahawa premium yang patut dibayar mestilah dibayar dan diterima oleh Syarikat sebelum perlindungan bermula. Jika syarat ini tidak dipatuhi maka insurans ini akan terbatal secara automatik.

Ejen yang diberikuasa hendaklah menghantar premium dalam lima belas (15) hari bekerja selepas menerima premium sedemikian daripada Pemegang Polisi dan/atau Orang Yang Diinsuranskan. Syarikat mempunyai hak untuk menolak apa-apa perlindungan dan/atau menolak apa-apa tuntutan kerana premium tidak dibayar kepada Syarikat.

NOTIS : Bagi tujuan dan maksud sekiranya terdapat konflik atau keaburan berkenaan makna di dalam peruntukan Bahasa Malaysia tentang mana-mana bahagian Kontrak, adalah dipersetujui bahawa Kontrak versi bahasa Inggeris akan digunakan